

0110

U B234 BAH

MAHATHIR - PERPADUAN (PEMBETULAN: PARA SATU - TUKAR UNGKAPAN  
+ADALAH MANTAP... + KEPADA +JUGA BAIK...+)

SEREMBAN, 24 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, TAHAP PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM UMNO ADALAH BAIK, DAN KEDUDUKAN PARTI JUGA BAIK KECUALI ADA SEDIKIT MASALAH DALAMAN-PARTI, YANG MERUPAKAN PERKARA BIASA DALAM SEMUA PARTI POLITIK.

OLEH ITU, KATANYA, UMNO DAN BARISAN NASIONAL (BN) BERADA DALAM KEADAAN BAIK UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA SUNGGUHPUN BN MENGHADAPI MASALAH DALAMAN SEPERTI PERBALAHAN DALAM PARTI-PARTI KOMPONENNYA TERMASUK UMNO DAN SOAL MENENTUKAN CALON, TETAPI PERKARA YANG SAMA TURUT DIHADAPI OLEH PARTI PEMBANGKANG SEPERTI PARTI SEMANGAT 46, DAP DAN PAS.

+BN TIDAK MENGHADAPI BANYAK MASALAH TERMASUK (DALAM) MENGHADAPI PARTI-PARTI PEMBANGKANG. CUMA DALAM PARTI SENDIRI ADA SEDIKIT MASALAH SEPERTI SOAL CALON,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BN SELURUH NEGERI SEMBILAN, DI SINI.

PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO NEGERI ITU DIADAKAN DI DEWAN PERBANDARAN SEREMBAN MANAKALA PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BN NEGERI DIADAKAN DI THEATTERATE, WISMA NEGERI DI SINI. -- LAGI

1600MST 24 02 90

R B231 BAH  
MAHATHIR - PERPADUAN 2 SEREMBAN

MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TARIKHNYA BELUM DAPAT DIPASTIKAN SUNGGUHPUN KEADAAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA SEKARANG ADALAH STABIL SEPerti YANG DAPAT DILIHAT PADA TARAF HIDUP RAKYAT YANG MEWAH DAN PELUANG PEKERJAAN YANG SEMAKIN BANYAK.

+SAYA FIKIR KITA MASIH ADA LAGI MASALAH. KITA BUKAN NAK GUNAKAN PILIHAN RAYA SEBAGAI MAIN-MAIN WALAUPUN KITA FIKIR BOLEH MENANG, DAN SEPATUTNYA PILIHAN RAYA DIADAKAN GENAP LIMA TAHUN,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

KETIKA MENJAWAB SOALAN MENGENAI HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN SABAH, PERDANA MENTERI BERKATA, HUBUNGAN ITU ADALAH +BAIK.+

+(KETUA MENTERI SABAH) DATUK SERI PAIRIN KITINGAN BARU SAHAJA BERJUMPA DENGAN SAYA DUA HARI LEPAS, DAN HUBUNGAN KAMI CUKUP BAIK,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI KENYATAAN TERBUKA BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM UNTUK BERTANDING JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA SESIAPA SAHAJA BOLEH BERTANDING MEREbut JAWATAN ITU DALAM UMNO. -- LAGI

1547MST 24 02 90

U B237 BAH  
MAHATHIR - PERPADUAN 3 SEREMBAN (PEMBETULAN: TEMPAT PADA TAJUK BERITA)

SEWAKTU MENJAWAB SOALAN BERHUBUNG DENGAN TINDAKAN PASUKAN KESELAMATAN MENGELUARKAN JERANGKAP-JERANGKAP SAMAR DI HUTAN EKORAN PERLETAKAN SENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PASUKAN KESELAMATAN BELUM BERJAYA MENGELUARKAN KESEMUANYA DAN MASIH MENENTUKAN KEDUDUKAN JERANGKAP-JERANGKAP SAMAR ITU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SECARA UMUMNYA, JERANGKAP-JERANGKAP SAMAR ITU +TIDAK ADA LAGI DI MALAYSIA+.

MENGENAI RUNGUTAN SESETENGAH PIHAK TERMASUK PARTI POLITIK BERHUBUNG PROSES PENGIRAAN UNDI DAN PENGUMUMAN KEPUTUSAN TERUTAMA DALAM PILIHAN RAYA KECIL, YANG MEMAKAN MASA TERLALU PANJANG, PERDANA MENTERI BERKATA JIKA ADA SEBARANG CADANGAN DARIPADA PIHAK YANG BERKENAAN, KERAJAAN AKAN MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG MENGENAINYA DI PARLIMEN.

MENGENAI LAWATANNYA KE SINI, BELIAU BERKATA BELIAU DALAM SIRI LAWATAN UNTUK MENINJAU PERSIAPAN PILIHAN RAYA DI SEMUA NEGERI, TERMASUK SABAH DAN SARAWAK, BAGI MEMPASTIKAN JENTERA PILIHAN RAYA BERJALAN LANCAR DAN BN MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPUAS HATI DENGAN PRESTASI UMNO DAN BN DI NEGERI SEMBILAN, DAN YAKIN BN AKAN MERAMPAS KEMBALI KERUSI PARLIMEN SEREMBAN DAN RASAH, YANG KINI DIDUDUKI OLEH DAP, PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

-- BERNAMA  
1629MST 24 02 90